

## Panduan Pengguna mengenai Kadar Rujukan

### Apakah Kadar Asas (KA)?

Kadar Asas (KA) kami tawarkan untuk Pinjaman Runcit Kadar Terapung terdiri daripada dua bahagian, iaitu tanda aras Kos Dana (COF) dan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.

### Apakah Kadar Asas Standard (KAS)?

Berdasarkan Rangka Kerja Kadar Rujukan Dikemas Kini yang dikeluarkan BNM pada Ogos 2021, Bank hendaklah menggunakan KAS sebagai kadar rujukan untuk penetapan harga semua kemudahan pinjaman/ pembiayaan runcit kadar terapung mulai 1 Ogos 2022. KAS ini adalah terpakai untuk kedua-dua pinjaman konvensional dan pembiayaan Islamik. KAS ditetapkan kepada Kadar Dasar Semalaman (OPR) seperti yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia (BNM).

### Apakah senario yang mungkin mencetuskan perubahan dalam KA/KAS?

KA/KAS boleh meningkat atau menurun disebabkan oleh perubahan dalam polisi kewangan seperti Kadar Dasar Semalaman (OPR) yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, dan juga faktor-faktor lain seperti perubahan dalam keadaan pendanaan.

### Penanda aras terdahulu:

